

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8263

SOALAN:

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status kerangka Dasar Dadah Baru Negara dan adakah ia mengambil kira bukti-bukti saintifik polisi dadah di Negara yang telah berjaya mengatasi ancaman ini

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Dadah Negara telah dirangka dan sedang dalam proses akhir semakan di peringkat AADK seterusnya akan dibentangkan di peringkat Kementerian Dalam Negeri. Beberapa perbincangan, mesyuarat, bengkel serta *engagement* telah dilaksanakan bersama Kementerian / Jabatan / Agensi-agensi Kerajaan, ahli profesional serta NGO bermula pada bulan Mei 2014 sehingga pertengahan tahun 2015. Pelbagai input dan pandangan semua pihak yang berkepentingan secara langsung dan tidak langsung dengan AADK telah diperolehi daripada 27 organisasi melalui sesi *engagement* yang dijalankan. Dasar ini juga dirangka dengan mengambilkira *International Best Practices* iaitu amalan-amalan negara maju dan polisi-polisi yang diamalkan seperti Switzerland, Australia, United Kingdom, Germany dan Canada. Walau bagaimanapun, amalan ini perlu disesuaikan mengikut norma masyarakat dan undang-undang Malaysia.